

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan **“DINE, WAVE & WIN! MyDebit Je dengan Kad ATM anda dan MENANG!”** **["Peraduan"]** dianjurkan bersama oleh Apex Excellent Sdn Bhd (No. Syarikat: 760673-H) **["Food Republic"]** dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) **["PayNet"]** (Food Republic dan PayNet dirujuk secara kolektif sebagai **"Pihak Penganjur"**).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang Kad Mesin Juruwang Automatik **["ATM"]** MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia. Pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan **["Peserta"]**.
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan MyDebit di Malaysia yang aktif, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Penyewa dan/atau kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 November 2020 jam 12:01AM sehingga 31 Disember 2020 jam 11:59PM** (Waktu Malaysia) **["Tempoh Peraduan"]** dan mengikut Tempoh Peraduan Mingguan yang diagihkan dalam Tempoh Peraduan seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
2. Perhatian: Hanya penyertaan/resit transaksi yang menggunakan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran dibuat dalam tempoh mingguan akan dikira sebagai penyertaan yang layak dan diserahkan mengikut **Tempoh Peraduan Mingguan** seperti dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Mingguan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Contoh, slip transaksi bertarikh 7 November 2020 (Minggu 1 di dalam Tempoh Peraduan Mingguan) mestilah di hantar pada atau sebelum 7 November 2020. Slip transaksi tersebut tidak layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Mingguan yang seterusnya [**“Tempoh Peraduan Mingguan”**].

- **Peraduan Hadiah Mingguan (9 Minggu) [**“Tempoh Peraduan Mingguan”**]**
 - **Minggu 1: 01 Nov 2020 – 07 Nov 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 2: 08 Nov 2020 – 14 Nov 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 3: 15 Nov 2020 – 21 Nov 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 4: 22 Nov 2020 – 28 Nov 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 5: 29 Nov 2020 – 05 Dis 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 6: 06 Dis 2020 – 12 Dis 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 7: 13 Dis 2020 – 19 Dis 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 8: 20 Dis 2020 – 26 Dis 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**
 - **Minggu 9: 27 Dis 2020 – 31 Dis 2020 (Baucar Food Republic bernilai RM100) x 20 pemenang)**

 - **Peraduan Hadiah Utama/Pertama/Kedua/Ketiga [**“Tempoh Peraduan Hadiah Utama”**]:**
 - **Tempoh: 1 November 2020 – 31 Disember 2020**
3. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Peraduan termasuk Tempoh Peraduan Mingguan atau Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.
4. Pembelian minima bernilai RM15 ke atas di Food Republic Pavilion KL dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai cara pembayaran, dibuat mengikut Tempoh Peraduan Mingguan yang ditetapkan (dengan resit transaksi yang dicetak dengan jelas bersama-sama slip transaksi bank) akan layak untuk diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini [**“Bukti Pembelian”**]. Peserta yang terpilih sebagai pemenang [**“Pemenang”**] adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian sebelum penebusan Hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan Hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut.
5. Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WhatsApp** atau melalui **Imbasan Kod QR (**“Mekanisme Peraduan”**)**.
- **Cara Penyertaan (1): Melalui aplikasi WhatsApp**
 - Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6012-318-9966** dalam format berikut:
Food Republic <space> Nama Anda <space> Nombor Kad Pengenalan <space>

- Peserta akan mendapat balasan mesej dengan pautan URL ke laman web Peraduan(soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
 - i. Daftar / Log masuk di laman web peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: **RESIT TRANSAKSI & SLIP TRANSAKSI BANK (asal)** sebagai Bukti Pembelian.
 - Peserta akan menerima maklumbalas selepas penghantaran.
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat peserta (mengikut Kad Pengenalan);
 - ii. Gambar resit transaksi & slip transaksi bank (asal) yang jelas sebagai Bukti Pembelian.
 - Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak dalam satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
- **Cara Penyertaan (2): Melalui Imbasan Kod QR**
 - Imbas Kod QR dan ikuti pautan arahan penyemak imbas ke laman web peraduan
 - i. Daftar / Log masuk di laman web peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan muat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: **RESIT TRANSAKSI & SLIP TRANSAKSI BANK (asal)** sebagai Bukti Pembelian.
 - Peserta akan menerima maklumbalas selepas penghantaran.
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat peserta (mengikut Kad Pengenalan);
 - ii. Gambar resit transaksi & slip transaksi bank (Asal) Yang jelas sebagai Bukti Pembelian.
 - Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak dalam satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

6. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran RM15 dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.
7. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi **SATU (1)** Hadiah Mingguan dan/atau **SATU (1)** Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
8. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
9. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (Kad Pengenalan Malaysia atau paspot) semasa atau sebelum penebusan Hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
10. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut.
 - o Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Mingguan: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Mingguan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan mingguan (yang diperolehi mengikut minggu dalam Tempoh Peraduan Hadiah Mingguan) [**“Peserta yang Terpilih HM”**].
 - o Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Utama: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Utama, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan (keseluruhan) yang diperolehi dalam Tempoh Peraduan [**“Peserta yang Terpilih HU”**].

Hadiah & Penebusan

- **Hadiah Peraduan Mingguan (jumlah keseluruhan 180 pemenang untuk keseluruhan Tempoh Peraduan):**
 - o **Baucar Food Republic bernilai RM100 x 180 pemenang (Rujuk: Tempoh Peraduan Mingguan)**
- **Hadiah Utama/Pertama/Kedua/Ketiga peraduan:**
 - o **Hadiah Utama: iPhone 11 Pro (256gb) x 1 pemenang**

- **Hadiah Pertama: Apple Watch Series 6 x 2 pemenang**
 - **Hadiah Kedua: Apple AirPods Pro x 5 pemenang**
 - **Hadiah Ketiga: Bazaar Food Republic bernilai RM200 x 10 pemenang**
-
- Sejumlah seratus sembilan puluh lapan (198) hadiah untuk dimenangi.
 - Segala imej gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar yang diterima.
1. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
 2. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penebusan. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan) yang terlibat untuk menebus atau memungut Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
 3. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
 4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan Hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan Hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
 5. Penyempurnaan Hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan Hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
 6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
 7. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih (HM/HU) melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.

8. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta yang Terpilih (HM/HU) tidak dapat dihubungi selepas TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur mempunyai hak melucutkan kelayakan Peserta yang Terpilih tersebut (HM/HU) dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih dari cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
9. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2)** bulan selepas dihubungi oleh pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang (untuk Hadiah Mingguan /Hadiah Utama/Hadiah Pertama/Kedua/Ketiga) gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah atau memberikan Hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima Hadiah mereka.
10. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka, mesti memberitahu Penganjur sekurang-kurangnya DUA (2) hari lebih awal dari tarikh penebusan tertentu yang disediakan oleh Penganjur. Pemenang hendaklah mengemukakan surat wakil kebenaran yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan juga dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang/Peserta. Peserta/Pemenang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
2. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.

4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakny, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakny tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang www.foodrepublic.com.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di www.foodrepublic.com.my akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan terhadap versi Bahasa Melayu, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
10. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari

sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
4. Penganjuringin memberi amaran kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan / atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan

Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;

- b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
4. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang pihak Penganjur di <https://www.foodrepublic.com.my> atau e-mel kepada Penganjur di fr_marketing.my@breadtalk.com.
5. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
6. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]